

**KAJIAN PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP PENGGUNAAN PERKATAAN  
BANGSA DALAM BORANG RASMI KERAJAAN DAN SWASTA DAN  
KAITANNYA DENGAN PERPADUAN NEGARA**

Ismi Arif Ismail, Dzuhalimi Dahalan, Haslinda Abdullah, Turiman Suandi,  
Steven Eric Krauss & Nurul Akhtar Kamarudin  
*Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor*  
(2014)

**Abstrak**

Makalah ini mengupas persepsi masyarakat Semenanjung Malaysia terhadap cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Kajian ini menggunakan pendekatan *mix method* dengan meneliti data primer pelbagai kes melibatkan seramai 1513 responden yang terdiri daripada masyarakat Semenanjung Malaysia merentas bangsa, generasi dan zon terpilih yang mewakili semua negeri. Kajian menunjukkan majoriti masyarakat di Semenanjung Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan untuk memansuhkan ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta. Masyarakat Cina dan India cenderung untuk bersetuju supaya ruang bangsa ditiadakan dari borang rasmi kerajaan dan swasta, berbeza dengan masyarakat Melayu dan Bumiputera Sabah/Sarawak yang menetap di Semenanjung. Persepsi masyarakat merentas generasi pula menunjukkan hanya Gen Z didapati cenderung untuk bersetuju. Hal ini begitu kontradik dari sudut pandang *The Baby Boomers*, Gen X dan Gen Y. Berasaskan penemuan kajian, pemansuhan ruang bangsa dari borang rasmi kerajaan dan swasta dilihat berpotensi mencetuskan polemik dan sensitiviti perkauman dalam masyarakat majmuk kerana wujud perbezaan signifikan dari sudut pandang masyarakat berbilang kaum merentas bangsa dan generasi. Kajian ini mencadangkan supaya ruang bangsa dalam borang rasmi kerajaan dan swasta dikekalkan tetapi dalam bentuk terbuka (*open ended*) tanpa ruang kotak yang menetapkan pilihan etnik/bangsa kepada pengisi borang, dan pada masa yang sama memasukkan perkataan ‘untuk peluang kesamarataan’ bersebelahan dengan ruang ini.